

Kerajaan hapus pinjaman RM3.8 bilion

PUTRAJAYA - Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk menghapuskan pinjaman yang diberi kepada kerajaan negeri bagi projek bekalan air luar bandar pada 2001 dan ke atas.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, pinjaman tersebut adalah berdasarkan baki belum selesai pada 31 Disember 2018 dengan jumlah keseluruhan RM3.8 bilion yang tertakluk kepada kerajaan negeri untuk memuktamadkan penstrukturan semula bekalan air selewat-lewatnya 31 Disember 2019.

Pada masa akan datang, beliau berkata, projek bekalan air luar bandar tidak lagi dibiayai dalam bentuk

pinjaman mudah kerajaan Persekutuan tetapi dipe-runtukkan dalam bentuk geran di bawah kawal selia Kementerian Pembangu-nan Luar Bandar.

“Pelaksanaan hapus kira ini diharapkan dapat mempercepatkan pen-strukturan semula industri bekalan air dan mengu-rangkan beban kewangan tahunan negeri serta me-mastikan faedah berterus-an dapat dinikmati rakyat,” katanya selepas mempe-ngerusikan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara di sini semalam.

Pada masa sama, Dr Mahathir berkata, syarikat operator air negeri boleh memfokuskan kepada pe-nambahbaikan kualiti per-

khidmatan bekalan air.

Pada mesyuarat itu juga, Dr Mahathir berkata, kerajaan Pusat bersetuju meluluskan tambahan per-untukan sebanyak RM60 juta untuk kerajaan-keraja-an negeri mulai tahun ini.

Menurutnya, peruntu-kan tambahan itu bagi membiayai kadar baharu Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kese-jjahteraan Hidup.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat juga bersetuju meluluskan pemberian 50 peratus hasil daripada kuti-pan cukai pelancongan untuk menjadi satu pembe-rian baharu kepada kerajaan negeri mulai tahun ini. -

Bernama